

22/05/2002

Tuntutan ke ICJ selepas proses dokumentasi ditanda tangani

PUTRAJAYA, Selasa - Proses menandatangani dokumen antara Malaysia dan Singapura bagi persetujuan penyelesaian tuntutan bertindih Pulau Batu Putih ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) hanya dilakukan selepas semua prosedur dokumentasi selesai.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia masih dalam peringkat akhir meneliti beberapa bahan rujukan membabitkan proses perundangan sebelum dokumen terbabit diserahkan kepada Singapura bagi ditandatangani bersama.

"Kita terpaksa mengambil masa lebih lama menyiapkan dokumen kerana sebelum ini kita mempunyai satu lagi kes.

"Bila semua penyediaan dokumen selesai, kita akan serahkan kepada Singapura untuk ditandatangani pada satu tarikh sesuai yang dipersetujui kedua-dua pihak," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di Wisma Putra, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terbaru tuntutan bertindih yang sebelum ini sudah dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya, Goh Chok Tong untuk membawa kes itu ke ICJ.

Batu Putih ialah pulau batu karang di selatan Semenanjung, kira-kira 15 kilometer dari Johor.

Pertikaian bermula pada 1989 apabila nelayan Malaysia dihalang menghampirinya dan sehingga kini dikawal mengawal ketat pihak berkuasa Singapura, termasuk menggunakan helikopter bagi memastikan kawasan itu tidak diceroboh.

Syed Hamid berkata, proses persetujuan membawa kes tuntutan ke ICJ akan mengambil masa yang dijangka dua hingga tiga tahun.

Beliau juga percaya, pertikaian itu tidak mengubah dan merosakkan hubungan dua hala kedua-dua negara secara keseluruhan kerana perbezaan pandangan kedua-dua negara memang sentiasa wujud.

Syed Hamid berkata, sebagai negara tetangga terdekat, Malaysia dan Singapura tidak semestinya mempunyai pandangan yang sama kerana masing-masing mempunyai kepentingan tersendiri.

Dalam isu berkaitan, Syed Hamid berkata rundingan pakej penyelesaian dua hala Malaysia dan Singapura di peringkat Menteri Luar dan Pegawai Tinggi kedua-dua negara akan diadakan di Kuala Lumpur pada 1 dan 2 Julai ini.

Syed Hamid yakin, semua isu membabitkan pakej penyelesaian berkenaan dapat diselesaikan melalui rundingan dan dialog.

(END)